



# MAHKAMAH TINGGI PUTUSKAN INSTRUMEN PINDAH MILIK SAHAM LAYAK PENGECCUALIAN DUTI SETEM DI BAWAH PERENGGAN 3 (a) PERINTAH DUTI SETEM (PENGECCUALIAN) (NO.3) 2012

📍 Mahkamah Tinggi  
Kuala Lumpur

📅 2 Oktober, 2019

🏛️ Bahagian Rayuan Khas,  
Jabatan Undang-Undang

## HAKIM

YA Dato' Nordin Hassan

## PEGUAM HASIL

Ridzuan Othman  
Zul-Hasymi Mohamad

## G LIMITED V PEMUNGUT DUTI SETEM

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan rayuan G Limited di bawah seksyen 39 Akta Setem 1949 untuk pengeccualian bayaran duti setem di bawah Perintah Duti Setem (Pengeccualian) (No.3) 2012.

G Limited yang merupakan entiti Labuan merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti pemegang saham sebuah syarikat Sdn Bhd. Aktiviti G Limited tersebut merupakan aktiviti perniagaan Labuan yang diiktiraf di bawah LBATA. Dalam menjalankan aktiviti perniagaannya, G Limited telah menerima pindah milik sejumlah 50,000 unit saham biasa daripada dua orang pemegang saham asal sebuah syarikat Sdn Bhd. G Limited memohon pengeccualian duti setem ke atas instrumen pindah milik saham tersebut di bawah perenggan 3 (a) Perintah Duti Setem (Pengeccualian) (No.3) 2012 yang mengeccualikan bayaran duti setem terhadap semua instrumen yang disempurnakan oleh entiti Labuan yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan Labuan. Walau bagaimanapun, Pemungut Duti Setem tidak membenarkan permohonan pengeccualian tersebut atas alasan terdapat peruntukkan pengeccualian khusus bagi instrumen yang melibatkan pindah milik saham iaitu di bawah Perenggan 3 (c). Perenggan 3 (c) mengeccualikan bayaran duti setem untuk instrumen yang melibatkan pindah milik saham dalam entiti Labuan (*shares in a Labuan Entity*).

Peguam yang mewakili G Limited semasa perbicaraan menghujahkan G Limited layak mendapat pengecualian di bawah perenggan 3(a) memandangkan G Limited telah memenuhi syarat-syarat di bawah perenggan 3(a) tersebut iaitu instrumen pindah milik di sempurnakan oleh G Limited yang merupakan sebuah entiti Labuan dan instrumen pindah milik saham tersebut merupakan aktiviti perniagaan G Limited yang diiktiraf sebagai aktiviti perniagaan Labuan. Berdasarkan Memorandum dan Artikel Pertubuhan telah dengan jelas menerangkan bahawa salah satu aktiviti G Limited adalah untuk memegang saham, kewajipan hutang atau sekuriti-sekuriti dalam syarikat domestik yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan menurut Akta Syarikat Labuan 1990. Oleh itu, Pemungut Duti Setem tidak sepatutnya merujuk kepada perenggan 3(c) untuk menentukan kelayakan pengecualian duti setem di bawah Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.3) 2012 tersebut.

Sementara itu, dalam hujahan menentang rayuan tersebut, Peguam Hasil yang mewakili Pemungut Duti Setem menghujahkan memandangkan terdapat peruntukan khusus untuk pengecualian duti setem bagi pindah milik saham iaitu perenggan 3(c), maka, untuk menentukan sama ada bayaran duti setem boleh dikecualikan ataupun tidak, instrumen pindah milik saham tersebut perlu dirujuk di bawah perenggan 3(c). Berdasarkan perenggan 3(c) hanya instrumen pindah milik saham yang melibatkan saham entiti Labuan sahaja yang dibenarkan pengecualian. Oleh kerana pindah milik saham dalam kes ini melibatkan saham sebuah syarikat Sdn Bhd, maka, instrumen pindah milik saham oleh G Limited tidak layak mendapat pengecualian di bawah Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.3) 2012.

Mahkamah dalam penghakimannya memutuskan rayuan G Limited dibenarkan atas alasan peruntukkan di bawah perintah pengecualian adalah jelas dan sebarang transaksi yang jatuh di bawah mana-mana perenggan 3 adalah dikecualikan daripada duti setem. Tiada peruntukan di bawah Perenggan 3 yang menghadkan instrumen pindah milik saham mestilah memenuhi syarat di bawah perenggan 3(c).

Oleh itu, G Limited telah memenuhi kelayakan pengecualian di bawah perenggan 3(a) Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.3) 2012. Oleh yang demikian mahkamah memutuskan taksiran duti setem yang bangkitkan oleh Pemungut Duti Setem adalah salah serta dibatalkan dan G Limited adalah layak kepada pengecualian duti setem di bawah Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.3) 2012.